

KUALITI HIDUP PENDUDUK PULAU NEGERI  
TERENGGANU: SATU KAJIAN DI PULAU  
REDANG DAN PULAU PERHENTIAN

NORIZAN BINTI ABDUL GHANI

DOKTOR FALSAFAH  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI  
MALAYSIA

2003

016729

1100067353

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)  
Universiti Malaysia Terengganu



thesis  
HN 25 .M4 N6 2003



1100067353

## Kualiti hidup penduduk Pulau Negeri Terengganu : satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian / Norizan Abdul Ghani.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

110006733

Lihat sebelah

HAK AILIK  
PERPUSTAKAAN SULTANAH KUR ZAHIRAH UMT

**KUALITI HIDUP PENDUDUK PULAU NEGERI TERENGGANU:  
SATU KAJIAN DI PULAU REDANG DAN PULAU PERHENTIAN**

**NORIZAN BINTI ABDUL GHANI**

**Tesis Yang  
Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Untuk Memperolehi Ijazah  
Doktor Falsafah Di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Kolej Universiti  
Sains Dan Teknologi Malaysia**

**Ogos 2003**

**1100067353**

**2287300021**

Didedikasikan hasil kajian ini

untuk yang disayangi

bonda Wan Zalika Mohd. Amin dan

ayahanda Abdul Ghani Hj. Hamid

yang tidak sempat melihat hasil kajian ini

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia bagi memenuhi syarat untuk ijazah Doktor Falsafah.

**KUALITI HIDUP PENDUDUK PULAU NEGERI TERENGGANU: SATU  
KAJIAN DI PULAU REDANG DAN PULAU PERHENTIAN**

**NORIZAN BINTI ABDUL GHANI**

**Ogos 2003**

**Pengerusi : Profesor Dato' Sulaiman Md. Yassin, Ph.D**

**Ahli-ahli : Wan Ibrahim Wan Ahmad, Ph.D  
Profesor Madya Wan Salihin Wong Abdullah, Ph.D**

**Fakulti : Pengurusan dan Ekonomi**

Keperluan kepada kualiti hidup yang baik adalah idaman setiap rakyat atau masyarakat sesebuah negara. Peningkatan kualiti hidup penduduk adalah di antara agenda penting pembangunan negara membangun termasuklah Malaysia. Oleh itu kajian ini bertujuan membincangkan kualiti hidup penduduk di dua buah pulau berpenduduk Negeri Terengganu iaitu Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Beberapa indikator kualiti hidup telah dipilih bagi kajian ini iaitu pendapatan, perbelanjaan, pemilikan, simpanan, kesihatan dan perumahan. Kajian ini juga dibuat untuk melihat sejauhmana beberapa faktor sosio-ekonomi dan sosio-budaya yang dipilih, mempengaruhi kualiti hidup penduduk pulau-pulau kajian.

Kajian yang dibuat menggunakan kaedah *triangulation* iaitu gabungan dua kaedah kajian, kualitatif dan kuantitatif ini menentukan persampelan dan pemilihan responden dengan dua cara iaitu pemilihan informan-informan utama dan pemilihan responden

seramai 267 orang. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada ketua isi rumah dan dipilih secara rawak mudah. Data dikumpul dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu melalui temubual berstruktur (soal selidik), temubual tidak berstruktur, pemerhatian dan pemerhatian ikut serta, kajian kepustakaan serta analisis dokumen dan laporan. Soal selidik dianalisis dengan menggunakan teknik korelasi *product-moment* dan teknik regresi linear berganda.

Hasil kajian menunjukkan hampir 20 peratus daripada responden tidak pernah bersekolah, manakala lebih daripada 50 peratus responden pulau-pulau kajian hanya mendapat pendidikan di sekolah rendah. Ini memberi kesan terhadap rendahnya kualiti dan tahap pendidikan yang diterima oleh generasi kedua di pulau-pulau kajian. Pendidikan, pekerjaan, persekitaran keluarga dan sokongan merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kualiti hidup objektif (sebenar) dan subjektif (tanggapan) penduduk kedua pulau kajian.

Hasil kajian ke atas tahap kualiti hidup objektif dan subjektif responden mendapati sebahagian besar daripada mereka berada di tahap sederhana. Walau bagaimanapun, kualiti perumahan berada di tahap rendah dan status kesihatan di kedua pulau kajian masih berada di tahap sederhana yang sekaligus mempengaruhi kualiti hidup penduduk. Pendapatan isi rumah mempengaruhi skor kualiti hidup penduduk di kedua pulau kajian. Peluang pekerjaan yang bertambah di sektor pelancongan di kedua pulau kajian menambah pendapatan isi rumah dan sekaligus mempengaruhi perbelanjaan, pemilikan dan simpanan mereka. Kajian juga mendapati pembangunan peningkatan kualiti hidup

penduduk kedua pulau kajian yang dijalankan oleh pihak kerajaan adalah perlahan dari dahulu sehingga sekarang.

Analisis perkaitan menggunakan korelasi Pearson menunjukkan terdapat perkaitan yang positif di antara kualiti hidup objektif dengan kualiti hidup subjektif penduduk pulau-pulau kajian. Ini bermakna bagi sebahagian penduduk pulau-pulau kajian, semakin tinggi kualiti hidup objektif mereka, semakin meningkat kualiti hidup subjektif mereka.

Boleh disimpulkan, kesemua aspek luaran kualiti hidup (objektif) yang sempurna yang dimiliki oleh penduduk pulau-pulau kajian akan menjadikan kualiti hidup subjektif mereka akan lebih meningkat dan hidup mereka akan sempurna.

A need for a good quality of life is important of citizens or people in any country. The enhancement of the population's quality of life is one of the important development needs for the developing countries, including Malaysia. Therefore, the objective of this study is to describe the quality of life of the people in two isolated islands in the state of Terengganu, Pulau Melong and Pulau Petani. Some indicators on the quality of life were selected; income, expenses, savings, ownership, health and housing. Also, the objective of this study is to determine some of the selected socio-economic and socio-cultural factors, which may influence the quality of life of the people in the islands.

Abstract of thesis presented to the Senate of Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE QUALITY OF LIFE OF THE ISLAND PEOPLE IN THE STATE OF TERENGGANU: A STUDY IN PULAU REDANG AND PULAU PERHENTIAN**

**NORIZAN BINTI ABDUL GHANI**

**Ogos 2003**

**Chairperson :** Professor Dato' Sulaiman Md. Yassin, Ph.D.

**Members :** Wan Ibrahim Wan Ahmad, Ph.D.  
Associate Professor Wan Salihin Wong Abdullah, Ph.D.

**Faculty :** Management and Economics

A need for a good quality of life is important for citizens or people in any country. The enhancement of the population's quality of life is one of the important development agendas for the developing countries, including Malaysia. Therefore, the objective of this study is to describe the quality of life of the people in two inhabited islands in the state of Terengganu, Pulau Redang and Pulau Perhentian. Some indicators for the quality of life were selected; income, expenses, saving, ownership, health and housing. Also, the objective of this study is to determine some of the selected socio-economics and socio-cultural factors, which may influence the quality of life of the people in the islands.

By using the *triangulation* methodology which is the combination of two research methods, qualitative and quantitative, this study selected a few key informants and 267

respondents. Respondents were the heads of the families and chosen by using the simple random sampling. The data were collected by using a number of methods; structured interviews (questionnaires), unstructured interviews, observations and participant observations, library research and documents analysis. Questionnaires were analysed using product-moment correlation and multiple linear regression techniques.

The findings revealed that, nearly 20 percent of the respondents never received any form of formal education and more than 50 percent of the respondents only received primary school level education. The impact of this low level of education is highly related to the low level of the education for the second generation. Education, employment, family life and welfare support are among the factors which influenced the objective (actual) and subjective (perceived) quality of life in both islands.

The study also showed that the level of the objective and subjective quality of life of most of the people in both islands were at the medium stage. However, the housing quality was of low standard, while the health status was medium which affected the quality of people's life. The household income somehow influenced the score of the quality of life. The increase number of jobs in tourism sector in both islands increased the household income and as a whole increased the expenses, ownership and saving of the people. The study also revealed that the development to enhance the quality of people's life in both selected islands by the government was slow and still slow.

The findings based on Pearson correlation also revealed that the objective and subjective quality of life were correlated significantly. It means that for most of the people in both islands, the higher their objective quality of life, the better their subjective quality of life.

It can be concluded that, when people are satisfied with their material lives (objective quality of life) such as housing, employment etc., they will achieved their subjective quality of life (well-being) and live contentedly.

Jurutera kereta lama ditugaskan kepada Dr. Wan Ibrahim Wan Ahmad, ahli penyelidikan penyelidikan teknik, yang telah banyak memperkenalkan dan mendakwa pengetahuan dengan pengalaman dan ilmuwan seimbang dalam kajian teknik pada masa tamat sijil. Kewujudan berkesan dan berkesan dan pengalaman kerjaya dalam bidang pengetahuan teknik pun dibanggakan oleh Prof. Madya Dr. Wan Salleha Wong Aminoff, juga ahli penyelidikan penyelidikan teknik, seorang pengaruh dan ahli-ahli kerja Amerika yang telah banyak memberikan idea dan maklumat. Dengan sekali-kali berterima kasih yang diharapkan oleh maklumat buku dapat dimulus dengan bahagia kerana ia menyumbang sumbangan yang berfaedah dan tidak pernah ada penulis bersendirian. Akhir sekali-kali terima kasih yang tulus kepada.